

## PERTANYAAN ORANG AWAM TERHADAP MBS 2022

Bil.	Pertanyaan	Tarikh Pertanyaan	Maklum balas / Jawapan / Tindakan	Tarikh Maklum Balas/ Jawapan	Tindakan
1	Saya ingin menambah jenis perniagaan iaitu "BENGKEL" jenis perniagaan yang sedia ada iaitu : 1.Pejabat Urusan 2.Stor 3.Iklan Tidak Berlampa Bagaimana cara untuk tambah Jenis perniagaan "BENGKEL"	03-01-2022	Pihak syarikat perlu membuat permohonan bagi lesen premis bengkel. Pihak tuan boleh hadir ke Jabatan Pembersihan dan Kesihatan atau menghubungi ditalian 06-7654278 untuk pertanyaan mengenai permohonan lesen.	10-01-2022	Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekutuan
2	Saya ingin bertanya sekiranya boleh membawa basikal sendiri di Laman Basikal. Saya tetap akan membayar entri masuk cuma anak <sup>2</sup> ingin membawa basikal sendiri.	12-01-2022	Membawa basikal sendiri ke Laman Basikal adalah tidak diberarkan.	30-03-2022	Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Pelancongan
3	1. Adalah dimaklumkan saya ingin membuat pertanyaan sama ada adakah pihak majlis ada membenarkan penambahan tembok pembahagi antara rumah di Taman Bukit Senawang Perdana, Fasa 2B bagi unit 415?  2. Oleh yang demikian mohon kerjasama pihak tuan/puan dapat membuat pemantauan dikawasan Taman Bukit Senawang Perdana Fasa 2B tersebut	19-01-2022	1. Lawatan tapak telah dijalankan ke lokasi aduan bertarikh 26/01/2022. Namun begitu, lokasi pengubahsuaian (gambar seperti yang dilampirkan oleh pengadu) tidak ditemui berkemungkinan tambahan tembok yang dibuat adalah di bahagian belakang premis.  2. Namun begitu, semakan rekod mendapatkani premis ini tidak mendapat kebenaran untuk melakukan sebarang pengubahsuaian oleh PBT. Siasatan juga mendapat terdapat sedikit tambahan di bahagian hadapan premis ( tambahan wakaf dan bumbung ). 3. Justeru itu, notis meroboh (30) hari telah dikeluarkan kepada pemilik premis bertarikh 28/01/2022. 4. Gambar lawatan tapak seperti di lampiran. Harap maklum.	28-01-2022	Jabatan Kawalan Bangunan

## PERTANYAAN ORANG AWAM TERHADAP MBS 2022

Bil.	Pertanyaan	Tarikh Pertanyaan	Maklum balas / Jawapan / Tindakan	Tarikh Maklum Balas/ Jawapan	Tindakan
4	BAGAIMANA MAHU MENDAPATKAN SALINAN RESIT PEMBAYARAN CUKAI TAKSIRAN 2021	11-02-2022	<p>Untuk makluman tuan/puan, TIADA RESIT DIKELUARKAN OLEH MAJLIS BAGI BAYARAN SECARA ATAS TALIAN. Tuan/Puan boleh memperoleh resit bukti bayaran secara online hanya dari laman perbankan internet saluran bayaran tuan/puan sahaja. Walau bagaimanapun, selepas 3 hari bekerja dari tarikh bayaran.</p> <p>Sekiranya terdapat sebarang pemasalahan teknikal berhubung semakan cukai taksiran melalui laman web Majlis Bandaraya Seremban, sila hubungi Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi MBS di talian 06-7654468.</p>	15-02-2022	Jabatan Kewangan
5	Boleh saya tahu, dimana saya ingin mendapatkan kucing kembali kucing peliharannya yang ditangkap oleh MPS? Semua kucing saya telah lengkap vaksin dan dimandulkan.	17-02-2022	<p>Salam Sejahtera.</p> <p>Pihak Majlis Bandaraya Seremban melalui Jabatan Undang-Undang &amp; Penguatkuasaan tidak menjalankan sebarang operasi tangkapan kucing liar dikawasan yang dimaksudkan oleh pihak pengadu.</p>	17-02-2022	Jabatan Undang-undang dan Penguatkuasaan
6	Saya menerima sepucuk surat menyatakan bahawa saya mendirikan sesuatu bangunan tanpa kebenaran MBS. Saya memang tidak tau membuat sedikit ubahsuai kerja perlu memohon kebenaran daripada MBS. Jiran saya suruh saya buat pindahan kaca di balcony kerana dia dah buat banyak tahun tanpa membuat apa-apa kebenaran daripada MBS. Saya nampak banyak owner juga ada buat ubahsuai kerja tanpa memohon kebenaran. Apa sebab saya perlu didenda? Harap boleh penjelasan bagi kompaun tersebut.	21/02/2022	<p>APA-APA STRUKTUR YANG DIBINA TANPA KEBENARAN MAJLIS DAN DIBINA TERLEBIH DAHULU ADALAH MENJADI SUATU KESALAHAN MESKIPUN HANYA PINDAHAN KACA DI BALKONI. ADALAH DINASIHATKAN KEPADA TUAN UNTUK MERUJUK KEPADA JABATAN KAWALAN BANGUNAN UNTUK PERTANYAAN LANJUT MENGENAI PERMOHONAN TAMBAHAN.</p>	02-03-2022	Jabatan Kawalan Bangunan

## PERTANYAAN ORANG AWAM TERHADAP MBS 2022

Bil.	Pertanyaan	Tarikh Pertanyaan	Maklum balas / Jawapan / Tindakan	Tarikh Maklum Balas/ Jawapan	Tindakan
7	<p>Kami sudah lebih satu tahun saya duduk di tempat ini tetapi tiada orang datang untuk mengambil sampah, sapu, potong rumput atau bersihkan longkang. Ini adalah kawasan perindustrian ringan dan saya hanya membuat perniagaan pengangkutan shj. Iaitu mengambil barang dari main company dan distribute dengan lori kecil. Kita tidak menghasilkan apa -apa production.</p> <p>Sampah yang kami buang adalah sampah yang biasa. Tetapi, sebab ini kawasan perindustrian baru, developer inform kita, iaitu kita sendiri kena bayar org utk ambil sampah.</p> <p>1. Dalam setahun ini tiada kerja pemotongan rumput /mengambil sampah/ menyapu, kenapa saya kena bayar cukai tafsiran? Saya telah mengupah orang untuk potong rumput dan sapu sampah dijalan raya.</p> <p>2. Kita sendiri kena tanggung semua cost pembersihan dan pembuangan sampah.</p> <p>3. Saya membuat aduan ini supaya tindakan diambil oleh pihak atasan untuk mengatasi masalah ini. Iaitu, mengambil sampah, memotong rumput, membersih longkang dan menyapu jalan besar.</p> <p>4. Oleh kerana tiada kerja pembersihan dilakukan dan tempat ini bersebelahan hutan, ada pergerakan ular and nyamuk.</p>	22-02-2022	Untuk makluman, hasil semakan bersama penyelia mendapatkan tiada service kutipan bagi kawasan Industri. Sekian terima kasih.	07-03-2022	Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekutaran
8	<p>Saya merupakan penduduk Taman Nusa Intan, Seremban. Saya ada masalah mengenai kebocoran sistem perpaipan dalam rumah saya. Saya telah merujuk kepada pihak pemaju iaitu Seri Pajam Development mengenai perkara ini. Pihak pemaju memaklumkan tempoh kecacatan rumah saya telah berakhir dan sebarang pelan bangunan telah dikemukakan kepada pihak PBT. Soalan saya, apakah prosedur yang perlu saya ambil untuk dapatkan Pelan Sistem Perpaipan Dalam Rumah daripada pihak MBS. Saya perlukan pelan ini untuk memperbaiki masalah paip bocor di rumah saya. Harap dapat membantu saya.</p>	23-02-2022	Pemohon perlu membeli pelan di jabatan dengan mengisi borang yang disediakan	23-03-2022	Jabatan Kawalan Bangunan

## PERTANYAAN ORANG AWAM TERHADAP MBS 2022

Bil.	Pertanyaan	Tarikh Pertanyaan	Maklum balas / Jawapan / Tindakan	Tarikh Maklum Balas/ Jawapan	Tindakan
9	May i know how can i get back the overpaid RM 60? There are 2 summons(One is RM 50 , another one is RM 10) in total and both are paid 2 times.	28-02-2022	SILA HADIR KE PEJABAT UNTUK KEMUKAKAN RESIT ASAL BAGI MEMUDAHKAN URUSAN PEMULANGAN BAYARAN.	16-03-2022	Jabatan Undang-undang dan Penguatkuasaan
10	Berkenaan borang tukar nama pemilik harta (pindah milik), bolehkan saya pos dokumen termasuk borang kepada MBS atau saya perlu walk in?memandangkan ibu pejabat saya bekerja adalah terletak di luar kawasan Seremban/Negeri Sembilan.	02-03-2022	<p>Pihak Jabatan Penilaian &amp; Pengurusan Harta, Majlis Bandaraya Seremban ingin memohon agar pihak puan melengkapkan borang pindahmilik bersama dengan lampiran seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Salinan bil cukai taksiran;</li> <li>ii. Salinan geran yang lengkap dengan pelan tanah;atau</li> <li>iii. Salinan perjanjian jual beli yang lengkap;</li> <li>iv. Salinan kad pengenalan pembeli.</li> </ul> <p>Bersama-sama ini disertakan borang pindahmilik untuk makluman dan tindakan pihak puan selanjutnya. Borang pindahmilik yang lengkap dengan lampiran tersebut boleh diemailkan ke marfudzah@mbs.gov.my dengan kadar segera.</p>	02-03-2022	Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
11	Tuan kalau saya nak buat tambahan keluar dekat car park sampai depan pintu besar kena apply atau buat pelan ke.	07-03-2022	Merujuk kepada persoalan pihak tuan/puan, terdapat beberapa syarat ubahsuai pelan. Sebagai contoh:Sekiranya rumah jenis teres, jarak dinding ke garisan sempadan lot yang dibenarkan perlulah 20'. Syarat ubahsuai rumah juga adalah berbeza mengikut jenis kediaman, pihak tuan/puan adalah dinasihatkan untuk berurus dengan pegawai di kaunter Jabatan Kawalan Bangunan, MBS (Cawangan Nilai) untuk mendapatkan info lanjut. Terima kasih.	08-03-2022	Jabatan Kawalan Bangunan

## PERTANYAAN ORANG AWAM TERHADAP MBS 2022

Bil.	Pertanyaan	Tarikh Pertanyaan	Maklum balas / Jawapan / Tindakan	Tarikh Maklum Balas/ Jawapan	Tindakan
12	saya nak tanya. boleh ke kita dapat maklumat berkenaan tuan rumah. di taman saya ada beberapa unit rumah yang dah lama tidak berpenghuni.jadi saya nak cari tuan rumah sama ada mereka nak jual rumah itu ke tidak.	18-03-2022	Untuk makluman puan, pihak Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, Majlis Bandaraya Seremban akan mengenakan bayaran sebanyak RM50 bagi setiap satu maklumat harta yang terlibat. Setiap pembeli akan direkodkan butiran pemilik bagi tujuan simpanan Jabatan dan rujukan sekiranya terdapat pertanyaan daripada pemilik harta tersebut.	22-03-2022	Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
13	Atas dasar kesian, saya jaga 4 ekor kucing terbiar yg selalu datang kerumah saya. soalan saya, MBS ada pusat penjagaan kucing ke utk saya hantar kucing tersebut.	22-03-2022	Majlis Bandaraya Seremban(MBS) tidak mempunyai pusat jagaan dan penempatan untuk kucing liar.	22-03-2022	Jabatan Undang-undang dan Penguatkuasaan
14	Saya ingin dapat detail harga penyewaan dewan dan lain-lain peralatan seperti kerusi meja untuk majlis kenduri kahwin yang akan diadakan pada 24 Disember 2022. Adakah perlu saya ke MPN untuk mengetahui maklumat lanjut dan dengan siapa saya perlu berurusani. Harap dapat maklumat yang diperlukan. Kerjasama tuan/puan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.	18-04-2022	Untuk mengetahui dengan lebih lanjut berkenaan dengan harga penyewaan dewan dan lain-lain peralatan boleh merujuk portal rasmi MBS. Sebarang pertanyaan boleh berhubung terus dengan Puan Siti Azirah binti Gezali (06-7989000/06-7989104) (Pejabat Cawangan Nilai).	20-07-2022	Jabatan Khidmat Pengurusan
15	Saya pelajar UITM tahun akhir Kesihatan Persekutuan yang juga seorang Inspektor Kesihatan di PKD Seremban. Saya ingin menjalankan kajian terhadap risiko denggi taman permainan di daerah Seremban. Bagaimanakah dan siapakah yang patut saya hubungi bagi mendapatkan data Taman Permainan khususnya di taman-taman perumahan yang ada di Seremban?	21-04-2022	Pihak Tuan perlumembuat surat rasmi dan menghantar surat tersebut kepada Pengarah Jabatan Taman dan Lanskap di Wisma MBS Forest Height.	30-06-2022	Jabatan Taman dan Lanskap
16	Saya ingin mendapatkan penyata cukai rumah saya di bandar enstek . Boleh berikan detail staff berkaitan .	27-04-2022	Bersama-sama ini disertakan bil cukai taksiran untuk makluman dan tindakan pihak tuan selanjutnya. Sekiranya selepas ini tuan tidak memperolehi bil cukai taksiran, tuan boleh melayari laman web <a href="http://www.mbs.gov.my">www.mbs.gov.my</a> . Disertakan cara untuk menyemak bil cukai taksiran secara online.	27-04-2022	Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

## PERTANYAAN ORANG AWAM TERHADAP MBS 2022

Bil.	Pertanyaan	Tarikh Pertanyaan	Maklum balas / Jawapan / Tindakan	Tarikh Maklum Balas/ Jawapan	Tindakan
17	Saya nak tanya untuk bil Cukai Taksiran(2/2021) Jul-Dis 2021. Adakah tiada bil sebab PKP atau bil tertunggak yang tak sampai.	11-05-2022	Memaklumkan bil tetap ada dihantar dan boleh membuat cetakan sendiri sekiranya tidak terima. Laman web disertakan.	19-05-2022	Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
18	SAYA INGIN MENDAPATKAN MAKLUMAT UNIT GERAI MAKAN/MINUM YANG MASIH KOSONG DI BAWAH ZON NILAI UNTUK SAYA MEMOHON TAPAK GERAI	24-05-2022	Pihak tuan boleh melayari web site atau FB MBS untuk melihat kekosongan lot Gerai/Pasar/Kiosk Majlis Bandaraya Seremban. Sekian terima kasih.	31-05-2022	Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
19	PERTANYAAN LESEN PREMIS DIRECTOR (NON-MALAYSIAN) Berhubung perkara di atas saya sedia maklum bahawa majlis bandaraya seremban menetapkan peraturan bahawa pengarah syarikat hendaklah salah seorang warganegara malaysia. Bolehkah saya mendapatkan memo yang dikeluarkan daripada pihak majlis tentang peraturan tersebut. Kerana majlis lain yang saya telah membuat permohonan lulus dengan ada nya surat (power of attorney).	07-06-2022	Dimaklumkan bahawa, prosedur permohonan lesen premis perniagaan di Majlis Bandaraya Seremban adalah dengan melengkapkan borang rasmi permohonan lesen. Setiap borang permohonan lesen telah disenaraikan dokumen yang perlu disertakan. Bersama-sama borang juga telah disertakan Garis Panduan Umum permohonan Lesen Premis Perniagaan. Sehubungan dengan itu, pemohon hendaklah Membaca dengan teliti borang yang telah ditetapkan dan garis panduan yang disediakan supaya tidak menimbulkan kekeliruan.	17/06/2022	Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
20	Dimanakah saya boleh mendapatkan garis panduan ubahsuai/tambahan rumah di bawah Majlis Bandaraya Seremban sebagai rujukan? dilampirkan contoh garis panduan oleh Majlis Bandaraya Iskandar Puteri.	08-06-2022	Pemilik boleh merujuk di dalam portal MBS rujuk kepada Jabatan Kawalan Bangunan (TAMBAHAN / UBAHSUAI KEDIAMAN). Pemilik premis yang ingin membuat tambahan / ubahsuai kediaman perlu melantik arkitek / pelukis pelan berdaftar untuk mendapatkan khidmat nasihat beserta proses mengemukakan pelan ubahsuai kepada pihak Majlis.	13-06-2022	Jabatan Kawalan Bangunan